

Usaha kerajaan kurangkan defisit 3.3 peratus

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Bajet 2004 memperlihatkan usaha gigih kerajaan mengurangkan defisit sehingga 3.3 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) tahun depan berbanding sebanyak 5.4 peratus pada Bajet 2003.

Presiden Kelab Perniagaan Kuala Lumpur (KLBC), Datuk Dr. Munir Majid berkata, walaupun kerajaan bertanggungjawab memastikan disiplin mengurangkan bajet defisit, namun tidak banyak perubahan yang boleh dilakukan berkaitan cukai langsung dan tidak langsung pada bajet kali ini.

“Tahniah kepada kerajaan yang secara serius prihatin terhadap isu defisit walaupun ia mungkin tidak dapat menepati sasaran bajet yang seimbang pada 2005 berikutan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan peperangan di Iraq,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat di sini hari ini berkata, bajet kali ini adalah defisit namun ia berkurangan kepada 3.3 peratus berbanding 5.4 pada bajet sebelumnya.

Bajet 2004 memperuntukkan RM112.5 bilion, yang merupakan pengurangan sebanyak 1.6 peratus berbanding peruntukan RM114.3 bilion pada 2003.

Defisit bajet kali ini yang berdasarkan kepada anggaran pendapatan RM95.6 bilion, ia akan menyaksikan defisit belanjawan yang lebih kecil memandangkan keseluruhan defisit Kerajaan Persekutuan dijangka dikurangkan kepada 3.3 peratus daripada KNK berbanding dengan 5.4 peratus pada 2003.

Dr. Mahathir berkata, se-

cara keseluruhannya, Bajet 2004 memperuntukkan RM112.5 bilion yang merupakan pengurangan sebanyak 1.6 peratus berbanding peruntukan RM114.3 bilion pada 2003.

Sebahagian besar daripada peruntukan bajet itu yang berjumlah RM80.5 bilion (71.6 peratus) adalah untuk perbelanjaan mengurus manakala RM30 bilion ialah untuk perbelanjaan pembangunan dan RM2 bilion untuk simpanan luar jangka.

Di bawah perbelanjaan mengurus, RM20.9 bilion adalah untuk emolumen, RM17.2 bilion untuk bekalan dan perkhidmatan, RM39.4 bilion untuk bayaran tetap dan pemberian, RM0.8 bilion untuk pembelian kelengkapan serta kemudahan pejabat dan RM2.2 bilion bagi perbelanjaan lain.

Daripada jumlah perbelanjaan pembangunan diikhaskan, RM13.8 bilion (43.1 peratus) untuk sektor ekonomi, infrastruktur, perindustrian, bekalan elektrik dan air luar bandar.